

# Sekolah Angkat MADANI tanggungjawab bangsa

BERITA HARIAN 21 JUN 2025

ms 4

Penyertaan sektor awam, swasta melangkaui nilai ihsan serta komitmen membina negara

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Inisiatif Sekolah Angkat MADANI memabatkan penyertaan organisasi awam dan swasta bukan sekadar tanggungjawab sosial korporat (CSR), sebaliknya melangkaui nilai ihsan serta komitmen dalam membina negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, inisiatif itu menonjolkan komitmen bersama pelbagai entiti dalam menjayakan agenda negara yang lebih inklusif dan berperikemajuan, apabila syarikat korporat, penjawat awam dan masyarakat setempat berganding memperkasa pendidikan di sekolah terpilih di seluruh negara.

“Program ini melangkaui CSR, kita bercakap mengenai nilai ihsan apabila mereka (syarikat korporat) mengambil tanggungjawab bersama membina negara ini untuk memastikan tiada sesiapa pun yang tertinggal.

“Kita mahu lihat syarikat besar turun ke sekolah, menyantuni pelajar, memperkenalkan diri, memberi inspirasi kepada anak-anak ini mengenai apa makna kejayaan dan bagaimana pendidikan boleh mengubah nasib mereka,” katanya ketika melancarkan Sekolah Angkat MADANI di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, konsep asal inisiatif terbabit bermula dengan Kampung Angkat MADANI melalui peruntukan maksimum RM100,000 bagi setiap kampung, sebelum dikembangkan kepada sekolah angkat hasil sambutan luar biasa daripada sektor korporat dan GLC.

“Daripada 300, kita naik kepada 500 sekolah. Sekarang, kita mampu capai lebih 1,000 sekolah kerana sambutan yang sangat menggalakkan daripada pelbagai syarikat besar yang bertanggungjawab,” katanya.

Katanya, pelaksanaan program itu dirangka dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan menumpukan keperluan asas di sekolah seperti baik pulih tandas, penyediaan makmal sains, bimbingan akademik serta pembangunan sahsiah murid.

“Saya ucap terima kasih kepada KSU (Ketua Setiausaha) dan guru-guru kerana menyambut baik inisiatif ini. Guru bukan sekadar menerima, malah bersedia, terbuka menerima pendekatan baharu untuk kebaikan murid,” katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut mencadangkan supaya tokoh korporat yang menjadi penyumbang, tampil sendiri ke sekolah angkat masing-masing sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memberi motivasi dan pendedahan terus kepada pelajar.

“Kalau Ketua Pegawai Eksekutif, pengurus besar sendiri turun, kenalkan diri, ceritakan operasi syarikat, anak ini akan terinspirasi. Kita mahu anak di sekolah luar bandar tahu bahawa mereka juga berhak bermimpi besar,” katanya.

Beliau turut mengakui cabaran pendidikan masih membelenggu kawasan pedalaman termasuk isu kemudahan asas, kadar kehadiran, guru serta penyelenggaraan infrastruktur.

Justeru, Anwar berharap jalinan kerjasama erat antara kera-



Anwar bersama Fadhlina dan Shamsul Azri melancarkan Sekolah Angkat MADANI di Putrajaya, semalam.  
(Foto Aizuddin Saad/BH)

jaan, korporat dan masyarakat dapat diperkukuh bagi memastikan tiada siapa yang tercicir daripada arus pembangunan pendidikan negara.

“Inilah semangat MADANI yang sebenar. Kita bangunkan negara bukan hanya dengan angka pelaburan dan keuntungan, tetapi dengan jiwa yang penuh rasa tanggungjawab dan kasih sayang terhadap masa depan anak-anak bangsa,” katanya.

## Prinsip inklusif untuk semua

Sementara itu, Fadhlina berkata, usaha memastikan akses pendidikan sampai ke setiap pelusuk negara, termasuk kawasan pedalaman dan terpencil, menjadi keutamaan pihaknya dalam menjayakan pendidikan holistik berteraskan prinsip inklusif untuk semua.

“Kita mahu lihat bagaimana pembangunan anak-anak ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Akses pendidikan adalah hak semua murid tanpa mengira

di mana mereka berada.

“Kalau mereka tidak mampu datang ke sekolah, maka kita perlu membawa sekolah kepada mereka,” katanya ketika berucap pada majlis sama.

Fadhlina berkata, antara langkah sedang diteliti pihaknya adalah pelaksanaan sekolah terapung khusus bagi kawasan seperti Tasik Banding, yang dikenal pasti memiliki keperluan mendesak dari segi akses pendidikan.

“Difahamkan ada juga kos untuk ke sekolah di sebuah kawasan (terpencil) boleh mencecah RM30 sehari bagi seorang murid. Ini satu beban besar untuk keluarga dan mengakibatkan anak-anak terpaksa tercicir,” katanya.

Beliau berkata, kementerian kini meneliti model terbaik untuk memastikan pelaksanaan sekolah terapung dapat direalisasikan dengan berkesan dan mendapat sokongan semua pihak, termasuk komuniti setempat serta rakan strategik pendidikan.